



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KERATAN AKHBAR 12 MEI 2017

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

ISU : CARUMAN PERKESO

Bil	Tarikh/ Hari	Akhbar & Tajuk Berita	Ruang/ Muka Surat	Pihak Terlibat
1.	12.05.2017 Jumaat	UTUSAN MALAYSIA Ramai majikan gagal mencarum dengan Perkeso	Utusan Kota 35	PERKESO

Ramai majikan gagal mencarum dengan Perkeso

MELAKA 11 Mei - Masih ramai majikan yang gagal mendaftar perusahaan dan pekerja mereka sebagai pencarum Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

Pengarah Perkeso Melaka, Fadhlilah Hamil berkata, perkara itu berikutan majikan yang gagal memahami undang-undang berhubung kepentingan melakukan sedemikian.

"Majikan yang menjalankan sesuatu perusahaan, walaupun mempunyai seorang sahaja pekerja, mereka wajib mendaftar sebagai pencarum Perkeso kerana perkara itu memang sudah termaktub dalam undang-undang sedia ada.

"Begitu juga dengan pekerja mereka, meskipun hanya berstatus kontrak, risiko yang dihadapi adalah sama dengan pekerja tetap. Pekerja sambilan atau pun yang belum tempoh matang sepatutnya didaftarkan sebagai pencarum Perkeso," katanya dalam sidang akhbar berhubung Ops Kesan Melaka bagi tahun 2017 di Wisma Perkeso di sini baru-baru ini.

Terdahulu, seramai 23 anggota bahagian penguatkuasaan Perkeso negeri telah mengadakan Ops Kesan di Dataran Pahlawan di sini yang bermula dari pukul 10.30 pagi hingga 1 petang.

Menurut Fadhlilah, daripada 176 majikan yang dilawati pada hari ini, sebanyak 22 kompaun telah dikeluarkan di bawah Sek-



FADHILAH HAMIL turut serta dalam Ops Kesan yang dijalankan Perkeso Melaka di kawasan Dataran Pahlawan Banda Hilir, Melaka, baru-baru ini.

syen 4 Akta Keselamatan Sosial Pekerja (AKSP) 1969 kerana gagal daftar perusahaan dan Sek-syen 5 akta yang sama (gagal daftar pekerja).

"Secara keseluruhannya bagi tahun ini, sebanyak 35 kompaun dikeluarkan atas kedua-dua kesalahan itu melibatkan denda sejumlah RM20,000," katanya.

Sementara itu, Fadhlilah turut memberitahu, terdapat majikan yang telah menyalahi undang-

undang apabila memaksa pekerja mereka untuk menandatangani surat persetujuan supaya tidak mencarum dengan Perkeso.

"Perbuatan itu jelas sekali bertentangan dengan undang-undang, terutama apabila hak pekerja dinafikan. Jika ada pekerja yang dipaksa berbuat demikian, proses tuntutan sekiranya berlaku sesuatu terhadap mereka akan menjadi sukar," katanya.



Majikan yang menjalankan sesuatu perusahaan, walaupun mempunyai seorang sahaja pekerja, mereka wajib mendaftar sebagai pencarum Perkeso kerana perkara itu memang sudah termaktub dalam undang-undang sedia ada."

ISU : TENAGA KERJA MAHIR

Bil	Tarikh/ Hari	Akhbar & Tajuk Berita	Ruang/ Muka Surat	Pihak Terlibat
1.	12.05.2017 Jumaat	HARIAN METRO Peratusan tenaga mahir rendah	Setempat 26	JTM

Kepala Batas

Peratusan tenaga mahir rendah

Negara memerlukan seramai mungkin tenaga kerja mahir sebagai persediaan menjadi negara maju dan mencapai status pekerja berpendapatan tinggi.

Ketika ini, hanya sekitar 28 peratus pekerja di negara ini dikategorikan sebagai tenaga kerja mahir dan jauh lebih rendah berbanding negara maju lain yang mencecah 30 hingga 50 peratus.

Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Manusia (JTM)

Kementerian Sumber Manusia Dr Mary Wong Lai Lin berkata, kadar 28 peratus tenaga kerja mahir masih dianggap rendah sedangkan golongan berkenaan sangat penting untuk menjadi negara yang mempunyai rakyat berpendapatan tinggi.

Katanya, teknologi yang sentiasa berubah menyebabkan rakyat terus ketinggalan jika tidak mempelajari teknologi terkini digunakan dalam sektor industri.